

Isu penjualan sebahagian saham MAHB kepada GIP

PM tempelak pembangkang didakwa jadi jaguh kampung

Malaysia tegas dengan pendirian tidak benar syarikat Israel beroperasi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menempelak pembangkang yang didakwa mahu menjadi jaguh politik menghasut rakyat apabila terus memainkan isu penyertaan syarikat asing dikaitkan dengan Israel membabitkan penstrukturan semula kepentingan dalam Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB).

Perdana Menteri menegaskan, pentadbirannya hingga kini berpegang kepada pendirian tidak membenarkan mana-mana syarikat dari Israel beroperasi di negara ini.

Bagi syarikat asing yang mempunyai kaitan atau kerjasama dengan negara Zionis itu, beliau berkata, Malaysia tidak mempunyai keupayaan membatalkan kehadiran mereka kerana ia dikhuatiri boleh menjejaskan ekonomi negara.

“Saya buat keputusan membatalkan kerjasama dengan semua syarikat Israel beroperasi dari Israel. Baik, bagaimana syarikat (asing) yang ada operasi (ibu pejabat) di Amerika Syarikat (AS), Jerman, China, tapi ada kaitan dengan Israel, tiada upaya kita



Anwar melambai kepada jemaah selepas menunaikan solat Jumaat bersama rakyat di Masjid Tun Abdul Razak, Petaling Jaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dalam keadaan sekarang membatalkannya.

“Kita runding dulu dengan GIP (Global Infrastructure Partners). Akhir tahun lalu, BlackRock Inc ambil alih. BlackRock ada operasi atau syarikat berkepentingan BlackRock beroperasi di Kelantan, Selangor, Sarawak, di seluruh negara dan di pasaran saham,” katanya ketika ditemui media sebaik selesai solat Jumaat di Masjid Tun Abdul Aziz di sini, semalam.

Anwar menegaskan, kerajaan tidak mahu bertindak ke atas mana-mana syarikat asing yang didakwa mempunyai kaitan sokongan dengan Israel kerana langkah itu dikhuatiri akan menjejaskan ekonomi negara.

“Sementara kita keras mem-

perjuangkan dan membela nasib rakyat Palestin khususnya di Gaza, kita sedia berdepan dengan sesiapa sahaja.

“Saya tidak mahu melemahkan kekuatan ekonomi negara. Kalau syarikat itu dari Israel, saya tegas (tak benarkan operasi di Malaysia). Itu yang saya nak jelaskan,” katanya.

Terbuka dengan kritikan

Beliau terbuka dengan kritikan pembangkang berhubung isu syarikat asing ini, pada masa sama, mereka harus bersama kerajaan mencari penyelesaian terhadap konflik di Gaza.

“Ada yang kurang bersetuju, tak apa. Ada hak tak bersetuju. Tapi jangan jadikan ini wayang politik untuk menghasut.

“Bagi tahu saya apa lagi saya boleh buat untuk Gaza. Kalau ada cadangan nak buat apa lagi, boleh.”

“Tapi janganlah gunakan ini kerana orang yang beri lesen kebenaran untuk kapal Israel berlabuh (dahulu), sekarang nak jadi jaguh. Saya tak mahu ungu benda lalu, sudah-sudahlah. Saya harap kita bersatulah, boleh berbeza, itu soal lain.

“Di (Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN)) Sungai Bakap bolehlah lawan, tetapi dalam soal Gaza ini, umat Islam di Malaysia bersatulah. Orang mati. Sakit dan kita cari jalan untuk menyelamatkan. Kalau nak apa yang disebut skor *political point* ini bukan tempatnya,” katanya.